



#nohandphonechallenge

TUTUP SUIS JIKA
TIDAK DIGUNAKAN

Tutup lampu, nyalakan lilin, berdoa bersama
dan bertindak demi generasi akan datang.



#EARTH HOUR

SEMPENA KEMPEN LINDUNGI BUMI KITA
LINDUNGI ANAK-ANAK KITA

23 MAC 2021 (SELASA)

8.00PM - 9.00PM



DOA ROSARI

bersama *Komisi Keharmonian Alam Ciptaan Tuhan.
Keuskupan Keningau*



Komisi KACT Keningau



Creation Justice Commission - CJC Sabah

SETIAP 23HB
OKT 2020 - OGOS 2021

OKT - NOV - DIS - JAN - FEB - **MAC - APR - MEI - JUN - JUL - OGOS**



KEMPEN "LINDUNGI BUMI KITA, LINDUNGI ANAK-ANAK KITA"

1 September 2020 – 31 Ogos 2025

Kempen Katolik di seluruh negara yang mendesak untuk melindungi semua hidupan di Bumi

"Pilihlah kehidupan, supaya engkau hidup, baik engkau mahupun keturunanmu" Ulangan 30:19



DOA MEDITASI ROSARI SUCI

SEMPENA 'EARTH HOUR'

(23 MAC 2021)

PERISTIWA SEDIH



1. YESUS BERDOA KEPADA BAPA-NYA DI SYURGA DALAM SAKRAT MAUT.

Kemudian dia berkata kepada mereka, "Hatiku sedih seperti ingin mati rasanya. Tinggallah di sini dan berjaga-jagalalah". Dia maju sedikit dan merebahkan diri ke tanah dan berdoa, agar sekiranya mungkin, saat itu berlalu daripada-Nya. Kata-Nya:" Ya Abba, ya Bapa, tidak ada yang mustahil bagi-Mu, ambillah cawan ini daripada-Ku tetapi janganlah menurut apa yang Aku kehendaki melainkan apa yang Engkau kehendaki." Mrk 14: 33-36.

Ya Bonda, doakanlah agar Puteramu mengaruniakan kami rahmat untuk menderita bersama dengan mereka yang mengalami penderitaan. Bantulah kami untuk merangkul mereka yang dipinggirkan. Bantulah kami mengubah jalan kami dari sikap mementingkan diri kepada sikap mahu berkorban dan mengawal diri.



2. YESUS DIDERA.

Lalu Pilatus mengambil Yesus dan menyuruh orang menyeksa-Nya. Yoh.19:1

Ya Bonda, doakanlah agar Puteramu memberikan rahmat kepada kami untuk membina struktur politik, sosial, korporat dan ilmiah yang menghormati martabat hidup. Bonda Maria, bantulah Gereja untuk mendorong

masyarakat antarabangsa dan komuniti tempatan agar lebih peduli terhadap kebajikan orang asal, para migran dan ekosistem agar semua kehidupan dapat berkembang.



3. YESUS DIMAHKOTAI DENGAN DURI.

Mereka mengenakan jubah ungu kepada-Nya, menganyam sebuah mahkota duri dan meletakkannya diatas kepala-Nya. *Mrk.15:17*

Ya Bonda, doakanlah agar Puteramu mengaruniakan kepada kami rahmat untuk menghormati penciptaan, semua kehidupan dan kebenaran yang telah dibawa-Nya ke dunia. Bantu kami semua – sebagai individu dan kakitangan kerajaan, ahli ekonomi dan komuniti – untuk selalu melihat martabat sesama manusia.



4. YESUS MEMIKUL SALIB-NYA.

Sebilangan besar orang mengikuti Yesus, termasuk ramai wanita yang berkabung dan meratapinya. Yesus berpaling kepada mereka dan berkata: “ Hai anak-anak Yerusalem, janganlah kamu menangiisi Aku, melainkan tangisi dirimu sendiri dan anak-anakmu”. *Luk.23:27-28.*

Ya Bonda, doakanlah agar Putera-mu mengaruniakan kepada kami rahmat untuk melihat nilai semua ciptaan dan semua jiwa setiap kali kami berhadapan dengan mereka yang terkesan dengan perubahan iklim atau perairan, darat dan udara yang diracuni. Bonda Maria, bantulah kami untuk

melihat kemusnahan yang dilakukan kepada diri kami sendiri dan generasi masa hadapan setiap kali kami melihat penderitaan orang lain dari jauh.



5. YESUS DISALIBKAN.

Tetapi ketika mereka datang kepada Yesus dan melihat bahawa dia sudah mati, mereka tidak mematahkan kakinya, tetapi seorang tentera menusuk tombaknya ke sisinya, dan segera darah dan air mengalir keluar. Seorang saksi mata telah memberi keterangan, dan keterangannya benar, dia tahu bahawa dia bercakap benar supaya kamu juga percaya. *Yoh.19:33-35.*

Ya Bonda , doakanlah agar Putera-mu mengaruniakan kepada kami rahmat untuk mati bagi diri sendiri agar orang lain akan hidup. Bantulah kami untuk memberikan kehidupan kami agar dunia yang telah kami rosakkan dapat dipulihkan bagi mereka yang berada disini sekarang dan mereka yang belum dilahirkan.